

TEORI- RASA FENOMENOLOGI DALAM NOVEL *NENEK*

MUHAMMAD KHALIL KHIRRUDDIN

Muhammadkhalilkhir@gmail.com

MAS RYNNA WATI AHMAD*

masrynna@ukm.edu.my

*Pengarang Pengantara

ABSTRAK

Estetika rasa merupakan satu bentuk keindahan dalam penulisan karya sastera secara umumnya. Estetika ini diselitkan bertujuan untuk mendalami dan merangsang minda pembaca terhadap rasa yang diketengahkan oleh pengarang. Proses ini melibatkan transformasi emosi tetap kepada emosi estetik dengan bantuan objek estetik. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisa rasa yang terdapat di dalam novel *Nenek* karya Razali Endun terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia pada tahun 2014, dan pada tahun yang sama, novel ini telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan bersifat kualitatif bagi mengenal pasti rasa yang terkandung di dalam novel. Untuk tujuan kajian, kerangka teori yang dipilih adalah berdasarkan Teori Rasa-Fenomenologi yang didapati mampu memberikan penekanan kepada novel yang ingin difokuskan. Novel *Nenek* memaparkan pemikiran dan falsafah yang berkait dengan dunia realiti. *Nenek* memaparkan isu politik, kemelut kemerosoton sahsiah individu yang berpolitik dan penindasan kepada golongan yang tidak mempunyai kuasa. Dalam kajian ini, teori Rasa-Fenomenologi yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998) akan dijadikan sebagai instrumen utama dalam menjalankan kajian ini secara rinci. Pemilihan dan penganalisan data dibuat berdasarkan tiga rasa daripada tujuh rasa yang diketengahkan oleh Sohaimi Abdul Aziz iaitu rasa benci, rasa duka dan rasa berang akan menjadi tumpuan kajian. Perbincangan hasil dapatan kajian mengetengahkan rasa benci, duka dan berang melalui beberapa watak, antaranya Mak Som, Mahfus, Halimah dan orang kampung dalam penceritaan bertemakan politik yang ditampilkan oleh Razali Endun.

Kata Kunci: novel politik; Rasa-fenomenologi; rasa benci; rasa duka; rasa berang.

ABSTRACT

Aesthetic sense is a form of beauty in general literary writing. This aesthetic is incorporated to deepen and stimulate the reader's mind toward the feelings highlighted by the author. This process involves transforming fixed emotions into aesthetic emotions through aesthetic objects. Therefore, this study was conducted to analyze the feelings found in the novel *Nenek* by Razali Endun, published by the Malaysian Institute of Translation and Books in 2014. In the same year, this novel was awarded the Malaysian Prime Minister's Literary Prize. This study is descriptive and qualitative, aimed at identifying the feelings expressed in the novel. For the purpose of the study, the chosen theoretical framework is the application of the Theory of Rasa-Phenomenology, which was found to be capable of emphasizing the novel under focus. This novel portrayed in-depth thoughts and philosophies related to the real world at the time it was

written. The novel discussed political issues, the crisis of declining individual morality among those involved in politics, and the oppression of the powerless. In this study, the Rasa-Phenomenology theory, founded by Sohaimi Abdul Aziz (1998), will serve as the main instrument for conducting the study in detail. Data selection and analysis were made based on three of the seven emotions highlighted by Sohaimi Abdul Aziz, namely hatred, sadness, and anger, which will be the focus of the study. The discussion of the study's findings highlights feelings of hatred, sadness, and anger through several characters, including Mak Som, Mahfus, Halimah, and the villagers, in the political-themed narrative presented by Razali Endun.

Keywords: political novel; *Rasa-fenomenologi*; feelings of hatred; feelings of sorrow; feelings of anger.

PENDAHULUAN

Sebuah karya sastra mempunyai nilai estetika tersendiri yang dapat dinikmati ketika membaca, memahami dan menghayati sebuah karya. Sentuhan rasa pengarang dapat dikesan pembaca melalui kata-kata dan bayangan alam yang mampu membawa pembaca meneroka minda dan idea pengarang dalam penceritaan. Tidak dinafikan, istilah utama dalam sistem estetika kesusasteraan Melayu berkait rapat dengan istilah 'keindahan' dan konsepnya.

Estetika merupakan keindahan yang dicetuskan dengan susunan kata-kata menggunakan diksi yang tepat dan sesuai dengan penceritaan. Unsur keindahan inilah yang mampu mempengaruhi, merangsang dan mengeskplotasi minda pembaca. Unsur keindahan yang telah digariskan ini mampu melahirkan pelbagai emosi mengikut tafsiran yang dirungkai dan dihadap oleh pembaca. V. I. Braginsky (1994) merumuskan terdapat tiga aspek penggantian perkataan 'indah' dan ketiga-tiga aspek ini lekang menekankan unsur estetik dalam pengkaryaan. Menurutnya juga, keindahan sesebuah karya mampu mempengaruhi jiwa seseorang. Nor Azman Ab. Aziz (2013) menyatakan bahawa estetika adalah cabang falsafah yang mengandungi pertalian dengan sifat keindahan, seni, rasa, penciptaan dan tanggapan terhadap keindahan. Karya seni yang dihasilkan mencakupi proses imaginasi dan kreatif manusia dalam menggarap keindahan bagi mengerjakan sesuatu dan didapati keindahan lahir bukan melalui pengalaman pancaindera semata-mata, malah melebihi tanggapan dan kemampuan sesuatu pancaindera yang hanya mampu dikesan dan dirasai melalui keluhuran jiwa dan kedamaian akan yang menghayati keindahan yang sebenar.

Dalam bidang penulisan novel, keindahan ini dapat ditemui dalam pelbagai novel hasil nukilan penulis Melayu prolifik terdahulu, seperti Keris Mas (*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*), Ishak Haji Muhammad (*Putera Gunung Tahan*), ,Shahnon Ahmad (*Lamunan Puitis Sebuah Trilogi* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*), Abdullah Hussain (*Konserto Terakhir*) A. Samad Said (*Salina* dan *Hujan Pagi*), Ibrahim Omar (*Desa Pingitan*), Azizi Haji Abdullah (*Kawin-Kawin*), Anwar Ridhwan (*Penyemberang Sempadan*), Rahman Haji Yusof (*Tak Seindah Impian*), dan Khaidir Ahmad (*Khuluk*) serta beberapa novel lain yang memaparkan keindahan kepada alam dan kehidupan manusia dengan nilai kehidupan masyarakat, sarat dengan metafora dan gaya bahasa yang menarik penuh dengan elemen keindahan. Keindahannya terletak pada tema, persoalan, watak dan perwatakan yang hidup dan lincah, plot, latar masyarakat, nilai dan pengajaran yang disampaikan.

Jika memperkatakan tentang soal keindahan, maka tidak boleh tidak menjadi sebagai satu kayu ukur kepada pengarang untuk menyelitkan emosi dan bermain dengan perasaan pembaca dalam aspek pengolahan cerita. Penekanan kepada kezhahiran emosi tanpa mengubah

mesej utama yang hendak disampaikan pengarang akan mampu menarik minda pembaca ke alam yang dimahukan pengarang. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat kemampuan novel *Nenek* iaitu sebuah novel yang bertema politik juga mampu untuk menarik minat pembaca melalui perkataan yang digunakan dan membawa pembaca menyelami penceritaan serta menyelami keindahan rasa dan pengalaman yang dibawa novel tersebut.

Pengamatan daripada realiti sebenar yang berlaku di Malaysia terhadap situasi politik semasa telah digambarkan dalam novel ini. Pemikiran yang dibawa berpunca daripada isu tanah pusaka sehinggalah kebejatan akhlak pemimpin yang ditugaskan untuk membela nasib rakyat. Tetapi sebaliknya memaparkan sikap tidak bertanggungjawab sehingga berlaku penindasan. Kesan penindasan inilah yang dijadikan sebagai wadah intipati utama novel *Nenek*. Secara ringkasnya, novel ini mengetengahkan situasi seorang nenek berada dalam masyarakat yang dibelenggu dengan kemiskinan. Keputusan anak kepada nenek iaitu Mahfuz untuk mengambil hala tuju politik seolah-olah menjadi jalan paling mudah untuk keluar dari kelompok kemiskinan yang menimbulkan isu perpecahan ikatan keluarga dan masyarakat kerana dibuai dengan kenikmatan yang diperoleh melalui politik. Lebih menyedihkan apabila keruntuhan moral itu berlaku dalam kalangan ahli keluarga yang mempunyai pencanggahan pendapat untuk membangunkan keadaan penempatan yang miskin itu. Sungguhpun novel ini membuka mata pembaca dalam membentangkan isu politik, namun tidak ketinggalan karya ini sarat dengan unsur-unsur estetika untuk memanipulasikan imaginasi dan pengalaman pembaca.

Penghasilan novel seperti novel *Nenek* yang membawa isu politik yang berat amat memerlukan kecerdasan Razali Endun untuk menggunakan perkataan-perkataan dan jalan penceritaan yang jitu untuk membawa imaginasi pembaca kealam novel ini. Sudah pasti, penceritaan novel yang bertema politik tidak lekang dengan membawa rasa pengalaman yang dapat dirasakan sendiri oleh pembaca secara keseluruhannya. Penceritaan plot yang penuh emosi memberi ruang untuk pembaca melalui pengalaman pelbagai rasa sebagai tindakbalas unsur-unsur yang dibangkitkan oleh penulis. Unsur rasa rasa seperti marah, benci, sedih dapat ditelusuri dalam plot yang dihidangkan tanpa gagal. Sehubungan itu, dilihat novel ini dapat dianalisis dari lensa rasa emosi Rasa Fenomenologi yang mampu memberikan perincian tentang perkaitan rasa emosi dan hubungkaitnya dengan pembaca secara tak langsung.

Sebagaimana unsur rasa yang telah dikemukakan dalam teori Rasa-Fenomenologi dengan mencakupi tujuh unsur rasa yang bakal dizahirkan melalui pembacaan pembaca, maka selarilah dengan tema penceritaan novel ini. Antara unsur rasa yang diketengahkan ialah rasa duka, marah (berang), berahi, wira, dahsyat, benci dan kagum. Justeru, objektif utama kertas kajian ini adalah untuk merungkai tiga unsur rasa yang utama terdapat dalam novel, iaitu rasa marah, duka dan benci dalam novel nenek dengan mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz.

PERMASALAHAN KAJIAN

Nenek yang diterbitkan pada tahun 2014 oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia telah memaparkan pemikiran dan falsafah yang berkait dengan dunia realiti ketika itu. Novel *Nenek* karya Razali Endun telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014. Novel ini memaparkan ideologi politik, kemerosoton sahsiah individu dalam berpolitik dan penindasan kepada golongan yang tidak mempunyai kuasa. Penceritaan novel ini bersifat mendatar dan secara terang-terangan memancarkan isu politik yang berlaku tanpa unsur-unsur perlambangan digunakan. Penobatan novel ini sebagai pemenang dikritik hebat oleh segelintir pihak kerana menurut peanggapan mereka novel ini tidak layak menang Hadiah Sastera

Perdana Malaysia 2014. Golongan tersebut menganggap novel *Nenek* memaparkan mesej yang sederhana dan tidak mencabar keintelektualan khalayak pembaca. Lantaran itu, ada juga pihak yang mengatakan kemenangan novel tersebut disebabkan oleh pengaruh politik. Oleh yang demikian, terdapat sudut pemikiran yang ramai pengkritik telah terlepas pandang. Novel *Nenek* ini bukan sahaja sarat dengan pemikiran pandangan politik semata-mata, tetapi, novel ini penuh dengan elemen emosi yang membangkitkan rasa dikalangan pembaca. Rasa yang timbul itu adalah sebuah hasil dari paparan kesan emosi yang Berjaya dinukilkan oleh penulis, saudara Razali Endun.

Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk menelusuri dengan rinci akan novel ini dari sudut penyampaian rasa emosi yang terdapat dalam kisah nenek yang diadun rapi. Emosi dan rasa yang diselitkan oleh Razali Endun dalam mengorak penceritaan *Nenek* yang bukan sahaja perlu dilihat dari mesej politik yang diketengahkan, bahkan perlu juga meneliti pengolahan kisah yang akhirnya berjaya memaut hati dikalangan pembaca melalui teknik penceritaan beliau. Walaupun novel nenek menerima kecaman kerana ideologi politiknya yang dianggap ringan, namun pengamatan daripada realiti yang diterjemahkan kepada penceritaan yang menarik telah berjaya dihasilkan oleh pengarangnya.

RASA FENOMENOLOGI DALAM KAJIAN NOVEL MELAYU MODEN

Kajian terdahulu memainkan peranan yang sangat penting bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan sumber dan bahan rujukan untuk menjalankan penyelidikan seiring dengan bidang yang dikaji. Selain itu, kajian lepas turut berperanan dalam menyediakan platform dari segi penerangan dan penjelasan secara rinci tentang kajian yang dijalankan untuk menambah ilmu pengetahuan kepada pengkaji baharu. Terdapat beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini yang dilihat sesuai untuk diangkat dalam kajian untuk perbincangan selanjutnya.

Pada tahun 2015 satu artikel yang bertajuk *Estetika Rasa dalam Novel 'Harga Sebuah Maruah': Teori Rasa-Fenomenologi* telah diterbitkan di Utusan Borneo (Sarawak). Artikel yang ditulis oleh Nur Mustika telah menggunakan novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah sebagai bahan yang hendak dikaji dan teori Rasa-Fenomenologi sebagai landasan teori. Menurut beliau, rasa dalam karya dapat dikecapi dalam karya apabila emosi utama pembaca dapat dirangsang. Menurut beliau lagi, emosi utama ini kehadirannya dirasai dan bertindak sebagai satu fenomena dalam minda pembaca bersama-sama dengan objek estetik iaitu sebuah karya yang telah ditelaah. Emosi ini lahir dalam kesedaran estetik dan emosi yang telah ditransformasikan ini dikenali sebagai emosi estetik yang mampu untuk memberikan gambaran lebih jelas kepada pembaca terhadap pembacaan yang telah dilakukan. Dalam artikel beliau, beliau menengahkan ketujuh-tujuh rasa yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam teori Rasa-fenomenologi

Kajian yang menggunakan teori Rasa-Fenomenologi sebagai landasan teori yang tidak asing lagi dalam kajian novel Melayu Moden tanahair. Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat pada tahun 2016, Azaha bin Ibrahim dalam kajiannya yang bertajuk *Rasa-fenomenologi dalam filem-filem arahan dan lakon oleh P. Ramlee* turut menarik perhatian. Dalam kajian beliau, beliau memperjelaskan perkaitan keindahan yang ditampilkan dengan rasa khalayak berdasarkan filem-filem arahan dan lakonan oleh P. Ramlee. Menurut beliau aspek estetika dibataskan kepada estetika bentuk, estetika nilai, estetika sosiologi, estetika makna dan estetika logik. Beliau mengemukakan tiga objektif utama yang ingin dikaji iaitu menganalisis dan menghuraikan unsur-unsur estetika, menghuraikan dan menganalisis perkaitan nilai estetika

dengan rasa khalayak dan menganalisis dan menghuraikan rasa dominan dalam filem. Beliau mengemukakan dapatan beliau dengan mengelaskan rasa yang tedapat dalam filem-filem P. Ramlee berdasarkan minit-minit filem tersebut.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid pada tahun 2017 yang bertajuk *Emosi Takut dalam Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi juga menggunakan teori rasa-fenomenologi sebagai landasan teori mereka. Dalam kajian ini pengkaji-pengkaji meletakkan emosi takut sebagai tonggak rasa utama dalam novel yang dikaji. Pengkaji-pengkaji bersandarkan kepada objektif kajian yang telah dikemukakan iaitu untuk menganalisis emosi takut yang dialami oleh wanita Melayu dan menjelaskan tindakan yang dilakukan oleh mereka apabila berasa takut. Pengkaji-pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metod untuk menganalisis dan menghuraikan dapatan yang diperoleh. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji-pengkaji mendapati wanita dalam novel menunjukkan emosi protagonis wanita Melayu yang mulanya berasa takut tetapi akhirnya, mereka akan menukarkan emosi takut kepada emosi yang bertenaga untuk bangkit melawan. Dapatan kajian diperoleh dan dianalisis melalui teknik penulisan pengarang, watak penceritaan, gaya bahasa pengaran dan latar yang diselitkan oleh pengarang. Kajian ini telah menzahirkan satu impak kajian iaitu emosi wanita Melayu bersifat paradoks iaitu suatu keadaan yang bercanggah dengan kesimpulan dan pandangan terhadap wanita kerana walaupun berada dalam keadaan takut, namun jiwa mereka melahirkan sifat berani sesuai dengan fitrah wanita yang tampak lemah namun berhati waja.

Di samping itu, pada tahun 2020 satu kajian yang telah dihasilkan oleh Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi yang bertajuk *Citra Emosi Wanita dalam Cerpen dan Rasa kepada Khalayak* juga mengetengahkan teori Rasa-Fenomenologi sebagai landasan teori. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kepelbagaian emosi watak wanita dan rasa kepada khalayak dalam kumpulan cerpen *Kurung* karya Norazimah Zakaria (2017) dan menghuraikan bagaimana watak-watak wanita dalam cerpen yang mempunyai peranan tersendiri namun mempunyai emosi yang mungkin pengkaji sebelum ini tidak dapat dirungkaikan. Pengkaji-pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual deskriptif untuk mendapatkan dapatan yang asli dan kukuh. Dalam kumpulan cerpen *Kurung*, emosi ini berfokus kepada watak-watak terpilih yang sentiasa berkonflik di antara tuntutan nilai dan norma hidup masyarakat. Dapatan kajian melibatkan beberapa emosi yang mendominasi watak wanita sehingga memberikan kesan rasa kepada pembaca seperti emosi duka dan berang.

Selain itu, kajian berkaitan teori rasa-fenomenologi telah dilakukan pada tahun 2022 oleh Puspavalli Mariappan dan Karthees Ponniah yang bertajuk *Rasa Duka dalam Cerpen-Cerpen M. Navin*. Kajian ini menerapkan teori rasa-fenomenologi dalam cerpen-cerpen Tamil khususnya yang dikaryakan oleh M. Navin. Pengkaji memfokuskan kepada perasaan duka dalam cerpen M. Navin dengan mengetengahkan dua objektif utama iaitu mengenal pasti dan menganalisis perasaan duka dalam cerpen M. Navin. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif dalam menganalisis bahan kajian. Sebanyak tiga koleksi cerpen M. Navin yang diberi tumpuan oleh pengkaji iaitu cerpen *Mandai Oodi*, *Boyak* dan *Uchai*. Pengkaji melakukan pengekodan secara baris demi baris untuk mengenal pasti objektif pertama. Menerusi proses pengekodan, objektif kedua memudahkan pengkaji untuk menganalisis cerpen-cerpen M. Navin berpandukan teori rasa-fenomenologi secara lebih mendalam. Berdasarkan dapatan pengkaji, M. Navin berjaya untuk membawa emosi kedalam cerpen dengan memberi gambaran kepada cabaran hidup masyarakat Tamil dalam kehidupan mereka. Malah, penggunaan elemen haiwan dan pengaplikasian pelbagai latar dikaitkan dengan watak telah membantu menghadirkan perasaan duka dalam cerpen-cerpen M. Navin.

Jika ditinjau kembali kajian-kajian sebelum ini, rata-rata kajian memfokuskan kepada satu atau dua rasa sahaja dan menganalisis data yang diperoleh daripada satu atau lebih bahan kajian. Sebagaimana dalam kajian yang dilakukan oleh Puspavalli dan Karthees (2022), pengkaji menumpukan rasa duka sahaja dengan melihat tiga bahan kajian yang berbeza. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Norazimah dan Mazarul Hasan (2020) memfokuskan kepada dua rasa iaitu duka dan berang. Kedua-dua kajian terkini sebelum ini melebihi bahan kajian mereka untuk mengukuhkan dan memantapkan data yang mereka peroleh.

METODOLOGI

Metodologi kajian penting sebagai suatu langkah yang sistematik dan tersusun dalam menggabungkan kaedah kajian pengkaji dan analisis data sebagai prosedur untuk memastikan proses kajian lebih teratur dan prestasi kajian mencapai standard dengan sempurna.

Kajian dijalankan secara deduktif, iaitu kajian dijalankan menggunakan pendekatan berdasarkan teori atau prinsip diikuti dengan aplikasi ke atas teks yang khusus. Dalam konteks ini, novel *Nenek* adalah sebuah teks yang boleh dilihat dari aspek berbeza, dan sehubungan itu, teori Rasa-fenomenologi dilihat tepat untuk mengangkat rasa dan emosi yang diketengahkan oleh pengarang. Justeru, kajian akan mengkhususkan kepada tiga rasa yang utama iaitu rasa duka, rasa berang dan rasa benci bagi merungkai inisipat rasa untuk membangkitkan minat pembaca terhadap novel ini.

Selain itu, kajian juga menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkait dengan bahan yang dikaji. Kaedah ini terdiri daripada dua iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan dilakukan terdiri daripada sumber seperti kertas kerja, jurnal, majalah, kamus, rencana dan buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan bidang serta tajuk yang dikaji. Selain itu, sumber dan bahan-bahan ini juga dijadikan sebagai sumber data, rujukan dan sorotan bagi memberikan keterangan kajian secara jelas. Kesemua kaedah ini mustahak untuk memberi gambaran lebih jelas kepada pengkaji terhadap teori yang diaplikasikan dan teks yang dikaji.

PENDEKATAN TEORI RASA-FENOMENOLOGI

Teori Rasa-Fenomenologi merupakan gabungan dua teori iaitu teori rasa-dhavan dari India dan teori estetika fenomenologi dari barat untuk menerangkan peranan karya dan pembaca sendiri dalam melahirkan variasi emosi ketika membaca karya kreatif. Teori ini mencakupi telahan bahawa pengalaman estetik ini sebagai satu letusan fenomena yang hadir berpanduan kepada persepsi dan gambaran pembaca terhadap struktur karya yang dipersembahkan.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz, teori estetik fenomenologi merupakan psikologi kesusasteraan yang menghasilkan satu sistem estetik yang berupaya menjelaskan pengalaman estetik pada peringkat sensual dengan lengkap dan holistik. Terdapat tiga proses dalam teori ini yang berlaku serentak dalam minda pembaca iaitu emosi tetap pembaca akan ditransformasikan menjadi emosi estetik, karya sastera yang belum dibaca ditukarkan kepada objek estetik dan kesedaran yang normal akan ditransformasikan kepada kesedaran estetik.

Proses transformasi karya kreatif dan emosi pembaca berlaku di dalam diri seseorang pembaca dikenali sebagai proses konkritasi. Proses ini tercetus apabila karya sastera yang dibaca bermula dengan karya mentah kerana belum diterokai oleh pembaca sebelum berubah keadaannya menjadi objek estetik. Perubahan karya kreatif kepada objek estetik terjadi secara sendirinya dalam minda pembaca dibawah pengawasan dan penelitiannya. Proses seterusnya pula melibatkan emosi dalam diri pembaca yang dikenali sebagai emosi statik. Emosi statik

dalam diri pembaca kemudiannya diangkat menjadi sebuah emosi estetik dengan bantuan objek estetik iaitu dalam penerangan ini ialah karya yang ditelaah oleh pembaca. Kedua-dua proses ini berlaku serentak di bawah alam sedar pembaca. Gabungan dua proses ini yang melahirkan emosi sewaktu pembacaan karya dilakukan. Dua transformasi yang menguasai pembaca ini dikukuhkan lagi dengan kehadiran simbol dan pengolahan penceritaan dalam karya kreatif. Proses-proses ini yang menjadi titik tolak kepada perubahan emosi statik ini.

Di samping itu, Sohaimi Abdul Aziz menyifatkan teori rasa-fenomenologi mempunyai tiga peringkat persepsi rasa estetik iaitu deria, imaginatif dan identifikasi. Proses pemahaman akan berlaku pada peringkat deria. Pada peringkat imaginatif pembaca akan mengalami perubahan yang mendalam ketika atau setelah disentuh oleh karya yang telah dinikmati atau dibaca oleh pembaca. Pada peringkat identifikasi pula, pembaca akan dihumban ke alam emosinya sehingga membolehkan pembaca membuat batasan atau pemisah terhadap rasa yang dialami. Pada peringkat akhir inilah pembaca akan dapat mengenal pasti sama ada kualiti itu berjaya menembusi sebarang belenggu atau memberikan tingkat kepuasan sebenar kepada pembaca.

Elemen-Elemen Rasa Teori Rasa- Fenomenologi

Menurut Mohd. Nor Sahfiq Amran (2021), pengasas teori ini Sohaimi Abdul Aziz telah menggariskan sebanyak tujuh rasa dalam Teori Rasa Fenomenologi, iaitu rasa duka, benci, berahi, wira, kagum, dahsyat dan berang. Rasa-rasa yang terdapat dalam sesebuah karya akan memberikan kesan kepada pembaca dari segi perubahan emosi, pemikiran dan tanggapan. Pengalaman daripada menghayati pembacaan karya tersebut merupakan sesuatu yang bernilai dan pembaca turut merasakan nilai estetikanya, iaitu keindahan serta emosi yang digarap kemas dalam karya tersebut. Setiap emosi yang diperkenalkan dapat memberikan impak dan sudut pandangan yang berbeza kepada pembaca kerana perasaan merupakan sesuatu yang abstrak.

a) Duka

Kamus Dewan Edisi Keempat, duka didefinisikan sebagai perasaan hati yang susah atau sedih dan dukacita. Duka digambarkan dengan perasaan yang membuatkan kegembiraan atau keriangian seseorang individu itu pudar. Terdapat beberapa keadaan yang boleh membuatkan perasaan duka ini timbul seperti berlakunya perkara yang tidak menyenangkan. Menurut (Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan, 2020) emosi sedih terjadi disebabkan oleh penderitaan seperti perpisahan, kerugian, kematian, ditawan, kemalangan, dan lain-lain. Wujudnya emosi sedih apabila seseorang berasakan kehilangan sesuatu yang bernilai kepada dirinya, tertimpa bencana dan banyak lagi. Kesedihan boleh mengalami perubahan darjah iaitu daripada kesedihan yang sedikit kepada kesedihan yang melampau. Sewaktu berada dalam kesedihan, emosi seseorang bercampur baur emosinya seperti emosi kerisauan.

b) Benci

Ia merupakan perasaan yang tidak suka akan sesuatu. Perasaan ini tidaklah sepenuhnya menunjukkan aura yang negatif kerana terdapat kemungkinan seseorang tidak menyukai sesuatu atas perkara-perkara tertentu. Sebagai contoh, terdapat individu yang tidak menyukai buah durian manakala ada individu yang menyukainya. Perkara ini bergantung kepada pilihan individu itu sendiri. Namun begitu, rasa benci juga disifatkan sebagai

keadaan yang membuatkan seseorang itu bukan sahaja tidak mahu melihatnya malah tidak mahu mendengar mengenai perkara tersebut.

c) Berahi

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mendefinisikan berahi sebagai kasih (cinta) yang amat sangat. Masyarakat kini mentafsir istilah berahi sebagai suatu perasaan yang lebih kepada hubungan intim dan bersifat seksual. Namun, cinta yang berunsurkan seks dalam karya sastera dianggap sebagai sesuatu yang lucu dan tabu dalam etika Puritanisme, Mohd Zariat (2011). Sebaliknya, istilah berahi itu sendiri membawa maksud perasaan kasih, sayang, cinta, gembira, bahagia dan suka. Perasaan berahi atau cinta ini timbul apabila berlakunya perkara yang menyenangkan hati seperti bersama dengan orang yang tersayang, mendapat hadiah, menerima pujian dan sebagainya.

d) Berang

Rasa berang merujuk kepada perasaan marah yang amat sangat dan gusar. Perasaan ini sering ditakrifkan sebagai emosi yang negatif. Hal ini demikian kerana jika perasaan berang atau marah ini tidak dikawal maka perasaan ini akan disertai dengan tindakan yang tidak dapat dijangka seperti pergaduhan, bertikam lidah, mencederakan dan sebagainya. Tahap berang seseorang adalah berbeza berdasarkan cara seseorang individu tersebut mengendali perasaan marah serta tindakannya akibat perasaan berang tersebut. Perasaan berang ini tidak akan hadir tanpa sebarang sebab dan kebiasaannya hadir kerana berlaku sesuatu perkara yang menyakitkan hati.

e) Wira

Yang dimaksudkan sebagai wira dalam konteks ini adalah sifat seorang yang mempunyai sifat kepahlawanan yang tinggi. Wira juga diertikan dengan lelaki yang berani, gagah, berasal dari keturunan yang baik, pengasih, berbudi pekerti dan menghormati individu lain. Perasaan wira ini tidak semestinya dimiliki oleh pahlawan sahaja tetapi sifat atau perasaan wira ini juga boleh dilihat dari segi keazaman dan kesungguhan seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara.

f) Kagum

Suatu perasaan yang menunjukkan ketakjuban, hairan dan rasa sangat tertarik seperti melihat serta mendengar sesuatu yang luar biasa. Kagum ini kebiasaannya dirasakan apabila terdapat suatu peristiwa yang tidak pernah berlaku yang kehidupan seseorang atau tidak terbiasa dengan hal tersebut. Kesan rasa takjub yang terbit dalam diri khalayak ini dikategorikan sebagai suatu tidak balas keindahan kerana terhasil daripada pengalaman estetik yang diperoleh ketika khalayak menikmati karya sekali gus mendatangkan kepuasan terhadap jiwa khalayak. Perasaan kagum ini sentiasa dikaitkan dengan perkara yang positif kerana perasaan ini muncul akibat ketakjuban akan sesuatu yang menyenangkan bagi individu tersebut. Misalnya, seseorang kagum melihat keindahan sebuah pantai yang pertama kali dilihatnya.

g) Dahsyat

Sebuah perasaan yang menggambarkan ketakutan dan ngeri. Perasaan dahsyat seringkali dikaitkan dengan berlakunya peristiwa yang negatif dan memberikan kesan terhadap individu tersebut. Perasaan dahsyat ini disertai dengan perasaan terkejut serta takut akan perkara yang berlaku. Antara peristiwa yang boleh menyebabkan perasaan dahsyat ini timbul adalah seperti berlaku pembunuhan, kemalangan, peperangan dan sebagainya. Kebiasaannya perasaan dahsyat ini memberikan kesan yang mendalam kepada seseorang dan membuatkan individu tersebut tidak boleh melupakan peristiwa tersebut

RASA-FENOMENOLOGI DALAM NOVEL *NENEK*

Sepanjang penceritaan berlangsung dalam plot yang dihidangkan, jelas terdapat tiga proses dalam teori ini yang berlaku serentak dalam minda pembaca, iaitu emosi tetap pembaca akan ditransformasikan menjadi emosi estetik, karya sastera ditransformasikan menjadi objek estetik dan kesedaran yang biasa akan ditransformasikan kepada kesedaran estetik. Menurut teori Rasa Fenomenologi anjuran Sohaimi Abdul Aziz (1998), terdapat tujuh jenis rasa iaitu rasa duka, marah (berang), berahi, wira, dahsyat, benci dan kagum. Namun pengkaji hanya mengambil tiga daripada tujuh rasa ini untuk dianalisis iaitu rasa benci, rasa berang dan rasa duka.

Rasa Benci

Rasa benci merupakan sebuah emosi yang sangat kuat dan melambangkan ketidaksukaan, enmity, atau antipati untuk seseorang, sebuah hal, barang, atau fenomena. Hal ini juga merupakan sebuah keinginan untuk menghindari, menghancurkan atau menghilangkannya. Dalam konteks perbincangan novel *Nenek*, rasa benci diperlihatkan melalui watak Mak Som iaitu ibu kepada Mahfus dan watak Halimah iaitu isteri kepada Mahfus. Rasa benci ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Bagi Halimah, seelok-eloknya biarlah mereka menetap di rumah sendiri, dan bukan di rumah orang lain walaupun orang lain itu ialah ibu mentuanya sendiri. ... Halimah mahu berada di rumahnya sendiri tanpa terkongkong atau terikat dengan peraturan mentuanya.

(*Nenek* 2014:33)

Rasa benci bukan sahaja dipamerkan melalui dialog watak, namun ianya boleh juga dipamerkan melalui reaksi watak tersebut terhadap sesuatu perkara. Melalui petikan di atas rasa benci ditonjolkan oleh watak Halimah yang tidak suka tinggal bersama mak mentuanya di bawah satu bumbung yang sama. Usia perkahwinan Mahfus dan Halimah sudah mencecah 15 tahun, namun Mahfus tidak bercadang untuk mencari rumah lain. Malah Mak Som sendiri yang berkeras untuk menyuruh anaknya tinggal bersamanya atas alasan mampu mengurangkan tanggungan rumah sewa seandainya Mahfus mencari rumah yang lain. Hal ini menjadikan Halimah berasa benci kepada tindakan Mak Som itu kerana apabila mereka tinggal di rumah yang sama, kehidupan Halimah sekeluarga terikat dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Mak Som. Kehidupan Halimah berasa dikongkong dan dia tidak mampu bergerak bebas kerana rumah itu bukan kepunyaannya. Rasa benci itu timbul apabila segala pergerakan dan tindak tanduknya ditentukan oleh mak mentuanya. Walaupun sudah berkali-

kali Halimah memberitahu suaminya, Mahfus tentang perkara ini, namun Mahfus sekadar membalas dengan perkataan sabar agar dapat menenangkan hati isterinya.

Rasa benci juga terserlah dalam novel ini melalui watak Mak Som. Mak Som merupakan antara salah satu penduduk kampung Sungai Bertam Malim yang telah ditindas oleh pihak pemaju yang ingin membeli tanah di kampung itu untuk dibangunkan sebagai tempat perumahan moden. Rasa benci terpampang pada watak Mak Som apabila Mak Som terpaksa bersetuju tanpa mampu untuk berbuat apa-apa. Rasa benci tersebut boleh dilihat melalui petikan dibawah:

Maklumat itu membuatkan Mak Som berasa semacam dipermainkan. “Nampaknya kerajaan tidak berlaku adil,” sanggah Mak Som.

(Nenek 2014: 158)

Rasa benci Mak Som dizahirkan pada petikan diatas apabila Mak Som terpaksa untuk bersetuju menjualkan tanahnya walaupun harganya tidak sama dengan nilai yang diusulkan. Pada awalnya syarikat pemaju tanah, Padu Menang Sdn Bhd ingin membeli tanah di kampung sungai Bertam Malim dengan harga 30 sen bagi setiap satu kaki persegi. Usulan tersebut dibantah sekeras-kerasnya oleh Mak Som dan penduduk kampung yang lain kerana perkara sedemikian menindas maruah pemilik tanah. Setelah penentangan demi penentangan dilakukan oleh penduduk kampung atas dasar tidak puas hati dengan nilai yang diberikan, perkara itu kemudiannya diambil semula oleh kerajaan untuk dinilai semula.

Perasaan benci Mak Som jelas terpampang apabila kerajaan hanya menaikkan harga tanah kepada Rm 1.50 untuk satu kaki persegi, sedangkan usulan awal yang dipersetujui oleh penduduk kampung merupakan Rm 2.50 untuk satu kaki persegi. Rasa benci juga diperlihatkan melalui ayat ‘kerajaan tidak berlaku adil’ jelas menunjukkan ketidak sukaan Mak Som apabila suara penduduk kampung tidak didengari oleh kerajaan. Keterpaksaan Mak Som untuk menandatangani perjanjian itu dianggap adalah lebih baik berbanding tanah tersebut akan diambil dan dijadikan hak milik kerajaan sepenuhnya.

Rasa Berang

Rasa berang merupakan rasa yang hadir apabila seseorang itu berasa sangat marah atas sebab-sebab tertentu. Rasa berang bukan sahaja dilihat dari segi mimik muka seseorang, malah mampu juga dilihat dari segi tindakan seseorang itu. Rasa ini dizahirkan dengan adanya penentu seperti perasaan marah atau tindakan memaki hamun. Novel Nenek memaparkan rasa berang melalui watak Mak Som dengan didatangi dua situasi berbeza iaitu rasa berang kepada anaknya, Mahfus dan rasa berang kepada penduduk kampung. Rasa berang tersebut dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Aku rasa pendek akal kau ni, Mahfus!” sergah Mak Som dengan tegas.

(Nenek 2014: 45)

Pendek akal bermaksud berfikir secara sempit dan tidak menerima pandangan orang lain. Istilah pendek akal ini digunakan oleh Mak Som dan ditujukan kepada anaknya, Mahfus. Istilah ini digunakan untuk memberitahu Mahfus kedangkalan akalnya dan sikap tidak menerima pandangan orang lain itu suatu yang bodoh. Walaupun keberangan Mak Som terhadap anaknya itu membuak-buak dengan memaki hamun sedemikian, namun Mak Som tetap juga

menggunakan istilah halus yang menunjukkan betapa tinggi budi bahasanya walaupun bercakap dengan anaknya sendiri.

Maki hamun dilemparkan dengan mudah, Namun, ia bukanlah untuk menjatuhkan darjat Mahfus, akan tetapi untuk menyedarkan Mahfus terhadap peri pentingnya nilai sesebuah bangsa jika hendak dibandingkan dengan wang. Sikap Mahfus yang sanggup meluluskan dokumen berkenaan projek pembangunan penempatan moden di kampung sungai Bertam Malim itu atas dasar penerimaan habuan yang tinggi ditegur sekeras-kerasnya oleh Mak Som. Menurut Mak Som, pembangunan sangat mudah dibina. Namun, tanah yang dimiliki merupakan warisan bangsa yang nilainya tiada tolok bandingnya. Jika sesebuah bangsa itu tidak memiliki tanah untuk diduduki, mereka hanyalah merempat di tanah orang lain dan akan diperguna-gunakan. Keberangan Mak Som terhadap kesanggupan Mahfus menggadaikan tanah semata-mata kerana harta inilah yang mengakibatkan Mak Som memaki hamun anaknya itu dengan cara yang halus.

Dalam petikan seterusnya, rasa berang juga dizahirkan melalui watak Mak Som apabila orang kampung datang kerumahnya menunjukkan protes kepada tindakan Mahfus yang sewenang-wenangnya 'menjual' tanah mereka kepada pemaju syarikat, Padu Menang Sdn. Bhd. Keberangan ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Dato Mahfus!” jerit seseorang. Laungan itu disambut dengan laungan “Mampus!”

“Dato Mahfus!”

“Mampus!”

“Dato Mahfus!”

“Mampus!”

Tersirap darah Mak Som. Apa jadahnya mereka itu mencela anaknya. Sejahat-jahat anaknya, itu darah dagingnya. Cubit peha kira, peha kanan terasa sakit jua.

(Nenek 2014:114)

Melalui petikan ini, rasa berang dihadirkan dengan dua situasi berbeza iaitu rasa berang orang kampung terhadap tindakan Mahfus dan rasa berang Mak Som terhadap celaan orang kampung kepada anaknya, Mahfus. Keberangan orang kampung jelas terserlah apabila maki-makian dilontarkan kepada anak Mak Som iaitu Mahfus. Keberangan ini terjadi kerana Mahfus yang bersetuju untuk menjual tanah orang kampung kepada syarikat Padu Menang Sdn. Bhd. tanpa pengetahuan orang kampung. Lebih menyedihkan lagi apabila syarikat Padu Menang Sdn. Bhd. menggunakan pengaruh Mahfus di Pejabat Tanah untuk mendapatkan tanah orang kampung yang terbiar. Pada awalnya kehidupan orang kampung bergantung penuh kepada hasil tanaman yang dilakukan di bendang masing-masing. Namun setelah syarikat pemaju membangunkan rumah mewah di atas bukit, saluran air yang masuk ke bendang telah terjejas. Akibatnya bendang menjadi kering dan pendapatan melalui hasil tanaman di bendang terjejas dan tanah bendang terbiar begitu sahaja. Alasan inilah yang digunakan oleh syarikat pemaju untuk membeli tanah-tanah orang kampung.

Disebabkan pengaruh Mahfus dalam Pejabat Tanah yang mudah mempersetujui pembelian tanah itu, orang kampung membuat satu rusuhan yang diketuai oleh Haji Khamis di hadapan rumah Mak Som. Keberangan mereka diselangi dengan caci maki terhadap tindakan Mahfus yang sengaja menggadaikan tanah untuk menerima habuan yang lumayan. Situasi kedua pula membabitkan Mak Som yang berasa berang apabila anaknya dicaci oleh orang kampung. Tindakan maki-memaki yang dilontarkan oleh orang kampung mengundang kemarahan Mak Som walaupun individu yang diarahkan makian orang kampung itu adalah untuk Mahfus.

Namun seperti dalam petikan cubit peha kira, peha kanan terasa sakit jua menggambarkan cacian itu seolah-olah ditujukan kepadanya juga.

Namun demikian, Mak Som sedar akan tindakan Mahfus yang sewenang-wenangnya menggadaikan tanah orang kampung, akan tetapi pada sudut pemikiran Mak Som tindakan memaki itu tidak wajar dilakukan. Seharusnya perbincangan yang lebih rapi perlu dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat. Istilah ‘tersirap darah’ yang bermaksud darah yang membuak-buak atau menggelegak lebih jelas menggambarkan keberangan Mak Som terhadap tindakan orang kampung.

Rasa Duka

Rasa duka merupakan rasa sedih yang bercampur baur dengan emosi mengakibatkan tiada ketenangan dalam diri seseorang individu. Dalam mengamati penceritaan novel *Nenek* yang terpaksa menggadaikan tanah dan bangsa kepada golongan yang berharta sudah pastinya akan menampilkan rasa duka sama ada melalui watak atau pun melalui penghuraian penceritaannya. Rasa duka juga dikaitkan dengan perasaan kecewa yang kemudiannya akan menampilkan reaksi atas kekecewaan yang dialami.

Penghayatan penceritaan *Nenek* sudah pasti memperlihatkan rasa duka melalui watak Mak Som kerana dia tahu sekuat mana pun penentangannya terhadap projek pembangunan rumah moden it, pastinya penggadaian itu terpaksa juga berlaku. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Yang gondolkan bukit itu? Tempat rumah banglo ayah kau tu?” Mak Som menggelengkan kepalanya.

(*Nenek* 2014:111)

Setelah Mak Som mengetahui bahawa tanah-tanah penduduk kampung yang lain juga hendak diterokai oleh syarikat pemaju, Mak Som berasa sangat sedih kerana penduduk kampung yang pada dahulunya bercucuk tanam untuk mendapatkan hasil, lalu hasil itulah dijual untuk mendapatkan segantang beras akan terjejas. Kehidupan penduduk kampung yang memang serba miskin akan menjadi lebih miskin. Reaksi Mak Som menggambarkan kedukaannya dan perkataan ‘menggelengkan kepalanya’ lebih menguatkan lagi kenyataan diatas. Reaksi Mak Som lebih kepada kedukaannya terhadap Mahfus yang pada dahulunya berjuang berhabis-habisan kerana pengaruhnya dalam Pejabat Tanah untuk tidak membenarkan syarikat pemaju luar membeli tanah penduduk kampung disitu. Akan tetapi, disebabkan ketamakan Mahfus terhadap harta dan pangkat telah mengaburi matanya, Mahfus sanggup menggadaikan tanah yang menurut Mak Som merupakan identiti sesebuah bangsa itu sendiri. Dan, Mak Som maklum seandainya tanah mereka dijual, mereka sudah tidak mempunyai apa apa lagi sama ada harta dari segi tanah ataupun kediaman yang dibuat di atas tanah tersebut. Rasa duka jelas ditunjukkan oleh Mak Som, seorang yang berfikiran jauh akan akibat seandainya tanah penduduk kampung dibangunkan menjadi perumahan moden. Jika perumahan moden sudah dibuat, sudah tentu penduduk kampung tidak mampu untuk membelinya kerana harga bagi sebuah rumah terlalu tinggi.

Mak Som juga dilihat sebagai seseorang yang berfikiran matang dan jauh ke hadapan apabila mengenangkan nasib nasib petani. Kedukaannya apabila memikirkan nasib petani yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang itu akan lebih parah dengan kedatangan syarikat yang ingin membangunkan penempatan disitu. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

Mak som merenung ke arah sawah yang kini menjadi rebutan para usahawan dan mereka yang berpengaruh. Tanah gersang yang kontang tidak punya nilai daripada pandangan para petani, begitu tinggi nilainya kepada golongan kapitalis.

(*Nenek* 2014:136)

Pengarang inginkan pembaca mengamati kedukaan yang ditampilkan oleh Mak Som dalam plot dengan mengetengahkan isu ini. Kedukaan Mak Som jelas dizahirkan apabila melalui petikan di atas, Mak Som mengenangkan nasib petani yang tidak mampu lagi meneruskan aktiviti penanaman dan nasib tanah petani yang terbiar akibat kemiskinan yang membelenggu kehidupan petani. Malah nasib petani-petani ini akan lebih parah seandainya mereka bersetuju untuk menjualkan tanah mereka dengan nilai yang diusulkan oleh syarikat pemaju. Pemaju yang ingin mengambil kesempatan atas kedaifan hidup petani dan kedangkalan ilmu mereka berkenaan dengan harga tanah semasa jelas akan menindas hidup petani di atas tanah mereka sendiri. Nilai 30 sen bagi satu kaki persegi tidak cukup untuk menampung kehidupan mereka selepas ini.

Melalui petikan juga kita dapat lihat kedukaan Mak Som terhadap nasib pemilik tanah ini apabila keuntungan yang akan diperoleh syarikat pemaju berlipat-lipat ganda atas sebab proses pembelian tanah yang sangat murah dan kemudiannya rumah yang akan dibangunkan dan dijual akan jadi terlalu mahal. Rasa duka Mak Som apabila nasib seseorang itu terletak sepenuhnya pada tangan golongan kapitalis yang berharta yang tiada sifat peri kemanusiaan terhadap petani yang akan terjejas.

KESIMPULAN

Novel *Nenek* dilihat mudah untuk dibaca dengan tema serta persoalan yang dirungkai juga dalam keadaan yang sangat bersahaja. Namun, dalam tona yang ditampilkan penulis sebagai bersahaja itulah, mampu mengangkat unsur realistik dalam plot yang diketengahkan. Cerita yang berkenaan tanah dirampas atau diambil milik untuk kepentingan sendiri itu sudah acapkali menjadi modal penceritaan dalam banyak novel Melayu yang lain, namun, apa yang menjadikan *Nenek* ini istimewa adalah, novel ini bukan sekadar memebrikan tatapan isu, namun ia memberikan rasa yang membuatkan penceritaannya tidak klise. Emosi yang bercampur baur, berang, duka dan benci menjadi tunjang persoalan yang dibangkitkan, sehingga pembacaan plot ini menjadi semakin menarik. Walaupun novel *Nenek* membawa isu politik dan pertarungan memperjuangkan nasib hak orang Melayu itu dilihat berat, namun penekanan emosi watak disampaikan kepada pembaca dengan jelas.

Novel *Nenek* bukan sekadar boleh diteliti dari sudut politik, malah novel ini dapat juga menyentuh perasaan pembaca melalui peragaan watak dan dialog yang disampaikan. Berkisarkan konflik antara seorang ibu dan anak akan membuatkan pembaca lebih tersentuh kerana situasinya amat rapat dengan pembaca. Melalui novel ini juga dapat membuka mata pembaca kepada realiti kehidupan masyarakat yang dibelenggu kemiskinan dan kedaifan akibat penguasaan golongan kapitalis yang mementingkan harta semata-mata sehingga golongan yang kaya kerap menindas golongan yang kurang berupaya. Pelbagai rasa yang diketengahkan agar pembaca lebih mudah menyelami konteks penceritaan novel *Nenek* dengan lebih mendalam. Justeru, teori rasa-fenomenologi yang diketengahkan oleh Sohaimi Abdul Aziz amat sesuai digunakan untuk mendalami setiap makna dan emosi watak yang diperagakan.

RUJUKAN

- Azaha Ibrahim. 2016. Rasa Fenomenologi dalam Filem-filem Arahkan dan Lakon oleh P. Ramlee. Doctoral dissertation, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.
- Braginsky, V.I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Sastera. 2016. *Nenek*, Novel Sederhana yang Besar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. 2010. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2011. *Seksualiti Dalam Novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2020. Citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khalayak. *International Journal of Social Science Research*, 2(1), 121-133.
- Nordiana Hamzah & Azhar Wahid. 2017. Emosi Takut Dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi, *Jurnal Peradabana Melayu*, Jilid 12, 2017.
- Nur Mustika. 2015. *Estetika Rasa dalam Novel "Harga Sebuah Maruah": Teori Rasa-Fenomenologi*. Sarawak: Utusan Borneo.
- Puspavalli Mariappan & Karthees Ponniah. 2022. Rasa duka dalam cerpen-cerpen M. Navin. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)* 7(46): 133-145.
- Razali Endun. 2014. *Nenek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi 2017. Fenomena Sosial Dalam Novel Nenek Karya Razali Endun. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 82-95.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1995. Rasa Fenomenologi: Sebagai Satu Teori Pengalaman Estetik: Satu Kajian karya-karya A. Samad Said. Unpublished. Ph.D thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1998. *Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nor Sahfiq Bin Amran & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Rasa Emosi Hang Jebat Dalam Hikayat Hang Tuah, *Jurnal Melayu*, 20 (2), 267- 281

Biodata Penulis:

Muhamammad Khalil Khiruddin, merupakan graduan berkelulusan Sarjana Kesusasteraan Melayu dari Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mas Rynna Wati Ahmad (PhD), adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori, falsafah dan kritikan sastera.